

30 SEP 1997

Ling - Trans-Asia

LALUAN PERTAMA KERETAPI TRANS-ASIA BOLEH DIMULAKAN TAHUN DEPAN

PETALING JAYA, 30 Sept (Bernama) -- Pembinaan laluan pertama Keretapi Trans-Asia sepanjang 5,513 km boleh dimulakan tahun depan walaupun laporan penuh kajian kemungkinan projek itu hanya dapat disiapkan April nanti.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, yang mempengerusikan mesyuarat kedua pakar-pakar projek landasan keretapi Singapura-Kunming itu, berkata mesyuarat telah memutuskan bahawa laluan itu, yang dianggarkan memakan belanja RM1.5 bilion, perlu dimulakan pembinaannya secepat mungkin.

Beliau berkata pembinaan Laluan 1 atau landasan sektor Singapura-Kuala Lumpur-Bangkok-Poipet-Sisophon-Lok Ninh-Ho Chin Minh City-Hanoi-Kunming perlu dipercepatkan kerana ia merupakan laluan paling mudah untuk disiapkan.

"Mesyuarat itu bersetuju untuk melaksanakan cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kita tidak seharusnya menunggu laporan (kajian kemungkinan) itu. Tetapi untuk menyiapkan satu cabang daripada laluan itu dulu," katanya kepada pemberita selepas berakhirnya mesyuarat dua hari itu di sini.

Beliau berkata lima laluan telah dikenalpasti bagi projek yang dicadangkan itu yang akan bermula dari Singapura melalui Semenanjung Malaysia ke Bangkok sebelum bercabang ke negara-negara lain di Lembah Mekong iaitu Kemboja dan Vietnam, dan kemudian ke Kunming.

Cadangan lain ialah landasan itu dibina melalui Vientiane di Laos dan seterusnya ke Kunming, atau menerusi Myanmar dan ke Kunming.

Ling berkata projek itu yang akan dibiayai oleh sektor swasta, tidak mendapat sambutan daripada sektor swasta negara lain selain penyertaan sektor swasta dari Malaysia.

Beliau berkata sebuah konsortium Malaysia yang terdiri daripada DRB-Renong-Bolton Properties kini bertanggungjawab menjalankan kajian ke atas pakej komersil Laluan 1.

"Sebaik sahaja kita dapat pakej komersil yang berdaya maju, Malaysia akan mempelawa penyertaan negara-negara lain dalam membangunkan projek itu melalui semangat Asean dalam berkongsi faedah antara satu sama lain," kata Ling.

Ling berkata mesyuarat itu juga menerima laporan permulaan oleh perunding projek yang terdiri KL Consult, Za'aba Consultancy dan pakar-pakar dari Universiti Malaya.

Katanya perunding kini boleh memulakan menyediakan laporan sementara yang dijangka siap Januari depan. Laporan sementara itu akan mengandungi kajian mengenai aspek ekonomi projek itu, permulaan destinasi dan cadangan lencengan.

Malaysia menyelaraskan kajian kemungkinan bagi cadangan landasan, termasuk aspek ekonomi, alam sekitar, teknikal, kejuruteraan dan lintasan di sempadan.

Mesyuarat dua hari itu dihadiri pakar dari China, Vietnam, Laos, Kemboja, Thailand, Burma, Singapura, Sekretariat Asean, dan Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Asia-Pasifik (ESCAP).

Projek Keretapi Trans-Asia itu, yang dijangka mencetuskan pembangunan ekonomi di Lembah Mekong, diluluskan di sidang kemuncak pemimpin ASEAN di Bangkok tahun lepas.-- BERNAMA

RAZ oba